

**Model Dakwah : Satu Analisis Teoritikal***Dakwah Model: A Theoretical Analysis*

Syabuddin Gade

Institut Agama Islam Negeri, Aceh Darussalam
&Abdul Ghafar Hj Don¹

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Artikel ini merupakan hasil kajian kepustakaan berkenaan dengan teori yang berhubungkait dengan "model dakwah". Istilah "model dakwah" yang dimaksudkan di sini adalah contoh atau bentuk dakwah yang diharapkan boleh menjadi acuan dalam konteks pelaksanaan dakwah agar proses 'delivery' dakwah berjalan dengan efisien dan efektif. Artikel ini cuba menganalisis beberapa "model dakwah teoritikal" iaitu model dakwah fardiyah, model dakwah fi'ah, model dakwah pendidikan, model dakwah bi'thah, model dakwah korespondensi, model dakwah islahiyyah, model dakwah organisasi, model dakwah umum dan model dakwah bersepadu. Semua model dakwah ini mempunyai karekteristik masing-masing.

Kata kunci: dakwah, model dakwah, Islam, iman**Abstract**

This article is based on library research concerning the theory related to 'the model of da'wah'. The term 'model da'wah' here refers to example or form of da'wah which is expected to act as a framework in the context of da'wah implementation so as the process of da'wah delivery can work efficiently and effectively. This article try to analyse several 'theoretical da'wah model' namely model da'wah fardiyah, model da'wah fi'ah, model dakwah pendidikan, model dakwah bi'thah, model dakwah korespondensi, model dakwah islahiyyah, model dakwah organisasi, model dakwah umum and model dakwah bersepadu. These models of da'wah have their own characteristics.

Keywords: dakwah, dakwah model, Islam, iman

¹ Corresponding author : Abdul Ghafar Hj Don, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, e-mail : a.g.don@ukm.edu.my

PENDAHULUAN

Perkatan “model” dalam *Kamus Dewan* (1984:7) mengandungi erti ragam, cara fesyen, barang tiruan yang sama seperti asal tetapi lebih kecil. Makna seperti ini dengan sedikit penambahan juga didapatkan dalam *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. Di sini dikatakan bahawa *model* bermakna contoh, orang atau benda yang harus dicontohi, ditauladan; orang atau benda yang betul-betul menyerupai sesuatu yang lain; tiruan, peragawati, bentuk, fesyen dan mengambil sebagai contoh atau tauladan (Khalid M.Hussain 1979:798). Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1961:593) “model” bererti pola, contoh, acuan, ragam, macam, barang tiruan yang kecil dan tepat seperti yang ditiru, dari suatu yang akan dibuat atau dihasilkan. Istilah *model* dalam dalam bahasa Arab diterjemahkan dengan ungkapan “*namudhaj mithāl ‘amila ‘ala al-rasm*” (contoh perumpamaan yang berlaku atas sebuah bentuk)(Wortabet 1983:248). Berdasarkan pelbagai makna ini, maka yang dimaksudkan dengan model dakwah di sini adalah sebuah contoh atau pola dakwah yang diharapkan boleh menjadi acuan bagi pelaksanaan dakwah yang hendak dilakukan sehingga pencapaian matlamat dakwah akan semakin efektif dan efesien (Zaenal Arifin 2007:24).

Jika disemak sejarah dakwah Islam yang begitu panjang, maka di dalamnya didapati pelbagai model dakwah yang boleh dijadikan contoh atau acuan bagi pelaksanaan dakwah masa kini dan masa hadapan, antaranya; *model dakwah fardiyah*, *model dakwah fi’ah*, *model dakwah pendidikan*, *model dakwah bīrthah*, *model dakwah korespondensi*, *model dakwah islāhiyah*, *model dakwah organisasi*, *model dakwah umum* dan *model dakwah bersepadu*. Model-model dakwah ini dapat dilihat seperti berikut:

Model Dakwah Fardiyah

Para pakar dakwah semasa memiliki rumusan yang beragam mengenai *dakwah fardiyah*. ^oAbd al-Badi^c Saqr (1976:25), misalnya menjelaskan bahawa *dakwah fardiyah* adalah penyampaian ajaran Islam yang ditujukan kepada seseorang secara berhadapan dan terjadi dengan tidak dirancang lebih dahulu. Walid Kamal Syukr (2007:4) menjelaskan bahawa *dakwah fardiyah* adalah interaksi komunikatif pihak *da’i* dengan *mad’u* secara langsung dan personal untuk menyampaikan ajaran tertentu yang dapat memperkuuh pihak *mad’u* terhadap ajaran Islam dalam pelbagai aspeknya. Berdasarkan dua definisi ini, maka *dakwah fardiyah* pada hakikatnya merupakan interaksi seorang *da’i* (pendakwah) dengan seseorang *mad’u* (sasaran dakwah) yang berlangsung dalam suasana bersemuka (face to face) dan dialogis sehingga tindak balas *mad’u* terhadap dakwah atau mesej yang disampaikan oleh *da’i* dapat diketahui pada ketika itu juga, sama ada respon itu positif ataupun negatif, menerima atau menolak.

Menurut Abd al-Badi' Shaqar (1976:25-26), *dakwah fardiyah*, memiliki beberapa karakteristik, iaitu:

- i) Hubungan peribadi merupakan peristiwa yang di alami saban hari; ii) Hubungan peribadi dapat dilakukan bila-bila masa sahaja dan mudah dilakukan oleh siapa sahaja tanpa terikat oleh aturan rasmi dan formal; iii) Hubungan peribadi dapat dilakukan secara rahasia sehingga bebas dari *sum'ah* (populariti) dan *riya* (ingin dilihat orang) ataupun dalam susana egaliter/kesamaan; iv) Hubungan peribadi tidak terlalu banyak ditentukan oleh persyaratan sarana; v) Percakapan peribadi dapat berjalan secara bebas dan terbuka sehingga persoalan peribadi pun boleh diungkapkan; vi) Terjalannya hubungan psikologis akan lebih mudah terjadi antara *da'i* dan *mad'u*; vii) Hubungan antara peribadi dalam dakwah merupakan salah satu contoh dakwah yang pernah dilakukan para Nabi.

Selain karakteristik tersebut, Ali Abdul Halim Mahmud (1995:25-32 mengemukakan sifat-sifat yang melekat dalam *dakwah fardiyah*, iaitu; i) Suatu proses dakwah yang melibatkan perilaku verbal dan non-verbal; ii) Melibatkan pernyataan atau ungkapan yang spontan; iii) hubungan antara peribadi akan terjadi secara dinamis; iv) Melibatkan umpan balik peribadi, terjadi interaksi dan koherensi, yakni pernyataan yang satu kerana berkaitan dengan yang lain sebelumnya; v) Melibatkan panduan tata aturan yang bersifat intrinsik dan ekstrinsik; vii) Merupakan tindakan yang persuasif.

Beliau juga menambah bahawa pendakwah yang menjalankan *dakwah fardiyah* mestilah; i) *Da'i* mesti melakukan amal soleh; melaksanakan seluruh kewajipan dan menjauhi dosa besar, sentiasa mendekatkan diri kepada Allah dengan pelbagai ibadah sunnah dan menjauhi perbuatan dosa kecil dan hina; ii) menyatakan secara terus terang bahawa ia adalah seorang muslim yang dinyatakan dengan perkataan, perbuatan dan kesediaannya melaksanakan *amar ma'ruf nahi munkar* serta jihad di jalan Allah; iii) mengetahui dengan jelas sikap lemah lembut dan sikap keras ketika berinteraksi dengan *mad'u*, perbezaan antara memaafkan, menginsafkan dan menolong; vi) bersikap sabar, penyantun dan tabah terhadap kejelekan dan kekurangan *mad'u*; v) berhati-hati terhadap godaan syaitan dan sentiasa memohon perlindungan Allah; vi) mempunyai keyakinan yang kukuh bahawa Allah sentiasa mendengar, melihat dan memberikan balasan terhadap setiap apa yang dikerjakannya.

Pada tahap aplikasi model *dakwah fardiyah*, pendakwah boleh menempuh pelbagai langkah operasional. Menurut Walid Kamal Syukri, *da'i* yang menjalankan *dakwah fardiyah* boleh menempuh lima fasa (*al-marhalah*). Pertama, *da'i* melakukan perkenalan (*al-ta'aruf*) dengan *mad'u* sehingga

terjalinnya hubungan akrab. Kedua, *da'i* melakukan pemilihan (*al-ikhtiyar*), maksudnya *da'i* memilih orang tertentu antara orang yang sudah terjalin hubungan perkenalan (*al-ta'aruf*) yang dianggap mampu memikul amanah dakwah untuk disampaikan lagi kepada orang lain. Pemilihan ini dilakukan untuk menghindari kekurangan *dakwah fardiyah* yang banyak menghabiskan masa dan fikiran. Ketiga, pihak *da'i* membangun rasa kasih sayang (*al-ta'āluf*) dengan *mad'u* supaya *mad'u* mudah menerima dakwah yang disampaikan *da'i*. Keempat, *da'i* melakukan perubahan (*al-taghyir*) terhadap *mad'u*, yakni membentuk akidah yang benar, membentuk kefahaman Islam secara syumul, melakukan amal Islami secara benar dan ikhlas. Kelima melakukan pengarahan (*al-mutaba'ah*), maksudnya *da'i* sentiasa melakukan pengarahan (pengawasan) terhadap *mad'u*, misalnya pengarahan untuk tetap melakukan amal salih dan menghindari fitnah dan kesukaran hidup, menyelesaikan masalah masyarakat, keluarga dan ekonomi serta mengawasi *mad'u* jika kebetulan dia absen. Pengarahan dan pengawasan sangat perlu, kerana hati dan fikiran *mad'u* sentiasa berubah (Walid Kamal 2007: 16-30).

Hampir sama dengan pandangan tersebut, Abi ḨAsim dan Hisyām bin ḨAbd al-Qadir ḨAli ḨUqdah (2007:7-53) juga merumuskan lima langkah yang boleh ditempuh oleh *da'i* atau guru dalam menjalankan *dakwah fardiyah*; yakni; melakukan usaha mendekatkan diri/pendekatan (*al-qurb minhu*) atau hubungan akrab dengan *mad'u* (murid); pembinaan *mad'u* secara sungguh-sungguh (*al-ijtihād fi binaihi*), memberikan pengarahan dan pertolongan (*al-tawjīh wa al-i‘ānah*) kepada *mad'u* (murid) dalam menghadapi pelbagai persoalan, pelurusan dan pengawasan (*taqwim wa murāqabah*) terhadap *mad'u* (murid), muhasabah dan diskusi (*muhāsabah wa munāqashah*) dengan *mad'u* mengenai ajaran dakwah.

Syeikh Mustafa Masyhur dalam bukunya *Fiqh al-Da'wah* sebagaimana dihuraikan oleh Hilman Rosyad, misalnya menjelaskan tujuh langkah yang boleh ditempuh oleh pendakwah dalam menjalankan model *dakwah fardiyah*, iaitu; Pertama, berupaya untuk membina hubungan dan mengenal setiap orang yang hendak didakwah dan membangunkannya dengan baik. Usaha ini untuk menarik simpati darinya agar hati lebih terbuka dan bersedia menerima perbincangan yang dapat diambil manfaat sehingga pembicaraan berikutnya dapat terus berlangsung. Pembinaan hubungan dengannya dilakukan secara intensif sehingga objek dakwah mengenali orang yang mengajaknya sebagai orang yang disenangi untuk berteman dan berkomunikasi.

Kedua, membangkitkan iman yang menyerap ke dalam jiwa. Pembicaraan hendaklah tidak langsung diarahkan pada masalah iman, namun sebaiknya berjalan secara tabi'i, seolah-olah tidak disengajakan dengan memanfaatkan

saat tertentu untuk memula mengajaknya berbicara tentang persoalan keimanan. Melalui pembicaraan yang *tabi'i* persoalan yang dipaparkan akan mudah mendapatk sambutan. Dari sambutan yang disampaikannya mengenai beberapa hal dapat dilanjutkan dengan meningkatkan ghairah keimanannya. Ghairah keimanan yang timbul darinya akan menjadi penyelesai permasalahan yang dihadapinya. Dari situlah timbulnya perhatian yang besar terhadap masalah-masalah keislaman dan keimanan.

Ketiga, membantu memperbaiki keadaan *mad'u* dengan memperkenalkan perkara-perkara yang berorientasi ketiaatan kepada Allah dan bentuk-bentuk ibadah yang diwajibkan. Pada tahap ini, mereka perlu pula dibekalkan dengan bahan-bahan bacaan dari referensi yang sederhana , lingkungan yang baik dan komuniti masyarakat yang soleh agar *mad'u* dapat menjaga nilai-nilai yang telah tertanam dan meneladani kehidupan orang soleh. *Mutaba'ah* dan pemantauan pada tahap ini memerlukan kesabaran yang tinggi sehingga dapat membimbang perjalannnya di atas jalan dakwah dan terhindar dari faktor-faktor yang boleh merosakkannya. Keempat, dijelaskan mengenai pengertian ibadah secara syumul agar dia memiliki kefahaman yang betul tentang ibadah, disertai niat yang benar dan berdasarkan *syara'*. Ibadah bukan terbatas kepada aspek-aspek amalan dalam rukun Islam sahaja (solat, puasa zakat dan haji), tetapi mencakupi pengertian ibadah yang luas sehingga dia memahami bahawa setiap ketundukan seorang hamba pada-Nya dengan mengikuti aturan yang telah digariskan akan bernilai ibadah.

Kelima, menjelaskan kepada *mad'u* bahawa beragama tidak cukup hanya dengan keislaman diri sendiri dalam erti dia hanya menjalankan kewajipan ritual, berperilaku baik dan tidak menyakiti orang lain, melainkan mesti mengikatkan diri dengan keberadaan muslim lainnya dengan berbagai macam permasalahan *mad'u*. Pada tahap ini pembicaraan diarahkan untuk menyedarkan *mad'u* bahawa persoalan Islam bukan urusan personal bahkan ia merupakan tanggung jawab setiap muslim terhadap agamanya. Perbincangan ini dilakukan agar *mad'u* mahu berfikir secara serius tentang bagaimana cara menuaikan tanggungjawabnya. Keenam, menjelaskan kepada *mad'u* kewajipan untuk melaksanakan amanah umat dan permasalahannya. Kewajipan ini tidak mungkin dapat ditunaikan secara individu. Setiap orang secara terpisah tidak akan mampu menegakkannya. Oleh itu, diperlukan satu jemaah yang menggembungkan potensi semua individu untuk memperkuat tugas memikul kewajipan berat tersebut. Pada tahap ini *mad'u* diberi kesedaran tentang pentingnya amal jama'i dalam menyelesaikan tugas besar dakwah. Ketujuh, menyedarkan *mad'u* tentang kepentingan sebuah jemaah. Pembicaraan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati sehingga memerlukan hikmah dan kekuatan hujah yang meyakinkan. Sebabnya perlu dijelaskan kepada *mad'u* bahawa sebelum seseorang bergabung dengan sebuah jamaah,

dia perlu meneliti perjalanan jamaah tersebut dalam erti kata yang lain, jangan terburu buru untuk menentukan pilihan terhadap sesebuah jamaah yang akan dijadikan sebagai wahana bagi merealisasikan dasar-dasar Islam (Hillman 2008:15).

Model Dakwah *Fi'ah*

Fi'ah (kelompok) merupakan kumpulan orang. Al-Razi secara kuantitatif mengatakan bahawa kata *fi'ah* (Q.S. al-Baqarah: 249) jika berjumlah 20 orang disebut *fi'ah qalilah* (kelompok kecil), dan jika lebih dari 20 orang disebut *fi'ah kathirah* (kelompok besar) (al-Razi 1994:200). David Krech menjelaskan bahawa yang dinamakan kelompok bukanlah setakat kumpulan orang tanpa ikatan apapun, tetapi ia memiliki beberapa ciri seperti adanya kontak psikologi antara individu. Setiap individu merasa dirinya sebahagian dari kelompok dan terdapat aturan yang mesti ditaati dalam mencapai satu tujuan kelompok sama ada kelompok besar ataupun kecil (David Krech 1986:366-403).

Menurut ^cAbd al-Baqi^c Sadr, istilah *da'wah fi'ah* yang baru muncul dalam pengembangan ilmu dakwah adalah proses dakwah yang ditujukan pada *mad'u* kelompok kecil atau besar; seperti suatu pertemuan dalam majlis tertentu; pertemuan diskusi yang dilakukan oleh para tokoh masyarakat; pertemuan bagi membincangkan sesuatu kajian ilmiah dan pertemuan lainnya. Ia juga menambah bahawa *dakwah fi'ah* ada beberapa ciri, iaitu (Sadr 1976:25): i) *Mad'u* berupa kelompok kecil atau besar ; ii) Jika *mad'u*-nya kelompok kecil, suasannya ialah secara bersemuka (face to face), dialog dan respons *mad'u* dapat diketahui seketika ; iii) Jika *mad'u*-nya kelompok besar, suasannya bersemuka (face to face), tetapi berbentuk monolog sehingga respons *mad'u* sukar diketahui seketika ; iv) Kelompok *mad'u* terdiri dari pelbagai peringkat masyarakat dan perlu disesuaikan dengan bentuk kegiatan yang akan dilaksanakan ; v) Media, metode dan tujuan dakwah ditentukan berdasarkan pertimbangan bentuk pelaksanaan kegiatan tersebut.

Berdasarkan pandangan tersebut, *dakwah fi'ah* merupakan proses dakwah yang berlangsung antara *da'i* dan *mad'u* kelompok kecil dalam suasana berhadapan. Respons *mad'u* terhadap *da'i* dan dakwah yang disampaikan pun dapat segera diketahui. *Dakwah fi'ah* boleh berlangsung dalam kelompok kecil dengan suasana dialog atau dalam kelompok besar dengan suasana monolog. Selain itu, pemilihan ajaran yang disampaikan dalam konteks *dakwah fi'ah* didasarkan atas pertimbangan pemasalahan hidup *mad'u* (*fi'ah*) dengan melihat segi tingkat kefahaman, sikap, latar belakang, matlamat ataupun karakteristik khusus yang dimiliki kelompok tertentu. Dalam *Dakwah fi'ah*, boleh digunakan media lisan, tulisan dan perbuatan; dengan nasihat, wasiat, bimbingan, bantuan dan tauladan dan perilaku. Pemilihan

dan penggunaan semua itu tentu perlu disesuaikan dengan dakwah, matlamat dan permasalahan yang sedang dihadapi oleh *fi'ah* sebagai *mad'u*.

Model Dakwah Pendidikan (*Tarbiyyah*)

Meskipun istilah pendidikan (*tarbiyyah*) dan pengajaran (*ta'lim*) dapat dibezaikan, namun keduanya merupakan bahagian daripada dakwah. Kerana dalam proses pendidikan dan pengajaran juga ada interaksi di antara guru dan murid di mana guru mengajar, mendidik atau mengajak muridnya untuk memperoleh perubahan dan menuju kemajuan. Proses interaksi guru dan murid pada hakikatnya sama dengan proses interaksi *da'i* dan *mad'u* dalam model yang lebih spesifik, iaitu; interaksi seorang *da'i* (guru) dengan kumpulan *mad'u* (sejumlah murid) melalui institusi pendidikan dan pengajaran. Oleh itu, dalam perspektif dakwah, guru boleh dipandang sebagai *da'i*, murid sebagai bahagian dari *mad'u*, silibus boleh menjadi sebahagian dari media dakwah, metode pendidikan dan pengajaran sebagai bahagian dari metode dakwah dan media pendidikan sebagai bahagian dari media dakwah. Semua ini disebut sebagai model dakwah melalui pendidikan atau pengajaran, yakni proses dakwah yang berlangsung melalui ketika proses interaksi pendidikan atau pengajaran di mana seorang guru mengambil peranan sebagai *da'i* dan sejumlah murid dijadikan sebagai *mad'u*.

Model dakwah melalui pendidikan dan pengajaran merupakan satu bentuk pengembangan dari sejarah dakwah Rasulullah SAW. Model dakwah melalui pendidikan dan pengajaran ini dilakukan Nabi serentak dengan masuknya Islam dalam kalangan para sahabat (Munzir Suparta 2003:22). Sebagai sokongan terhadap model dakwah pendidikan dan pengajaran, Nabi memilih rumah sahabat, Al-Arqam bin Abi Arqam sebagai tempat atau institusi pertama untuk menyampaikan dakwah. Di rumah Al-Arqam inilah Umar bin Al-Khattab mengikrarkan dirinya memeluk Islam pada tahun ke-6 dari masa kenabian. Keislaman Umar menambahkan lagi kekuatan dakwah Nabi, sebab ketika itu Umar termasuk di antara orang yang sangat ditakuti dan disegani di Semenanjung Arab. Sejak itu, Nabi mendapat sokongan besar untuk berdakwah secara terbuka. Selain rumah Al-Arqam, ada beberapa tempat lain yang juga dijadikan sebagai sarana dakwah melalui pendidikan dan pengajaran, antaranya rumah Nabi sendiri, Al-Shuffah, Dar Al-Qurra, Kuttab, masjid, dan di rumah-rumah para sahabat lainnya.

Selain itu, model dakwah melalui pendidikan dan pengajaran bukan hanya setakat proses interaksi guru dan murid, tetapi pembangunan institusi pendidikan dan pengajaran juga merupakan sebahagian daripada usaha dakwah itu sendiri. Dengan adanya institusi pendidikan dan pengajaran, ia akan memudahkan berlakunya proses pendidikan dan pengajaran yang memudahkan kegiatan dakwah dibuat secara lebih tersusun dan sistematik.

Kini dakwah model pendidikan semakin berkembang sesuai dengan perkembangan dunia pendidikan dan semakin diminati oleh masyarakat, terutamanya menerusi pendidikan formal; bermula dari tadika, rendah, menengah, pengajian tinggi sehingga ke program pascasarjana.

Model Dakwah *Bi'thiyah*

Perkataan *bi'thiyah* sering diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan *utusan*. Model *da'wah bi'thah* adalah model dakwah yang dilakukan melalui perantaraan *utusan*. Pendakwah (*da'i*) dalam konteks *dakwah bi'thiyah* secara struktural adalah; pihak yang mengutus (*al-ba'ith*) dan orang yang diutus (*al-mab'uth*). Pihak yang mengutus tidak berjumpa langsung dengan *mad'u*, manakala yang berjumpa secara langsung dengan *mad'u* adalah pihak yang diutus (*al-mab'uth*). Model dakwah *bi'thiyah* ini sesuai dengan diutusnya para Nabi AS di mana Allah bertindak sebagai *al-ba'ith* dan para Nabi AS sebagai pihak yang diutus (*al-mab'uth*). Oleh itu, dalam *dakwah bi'thiyah*, pihak yang diutus (*al-mab'uth*) juga berperanan sebagai *da'i* di mana *al-mab'uth* mestilah terdiri daripada orang yang memenuhi syarat sebagai *da'i*, yang dapat mewakili dan membawa pesanan pihak pengutus (*al-ba'ith*) kepada *mad'u*. Selain itu, *da'wah bi'thiyah* juga merupakan pengembangan dari dari salah satu model dakwah Nabi di mana dalam melakukan dakwah ia tidak melakukannya sendiri, tetapi turut dibantu oleh para sahabatnya. Nabi SAW hanya mengirimkan para sahabat sebagai utusan ke beberapa wilayah untuk menyebarkan misi ajaran Islam sekaligus memperbanyak jumlah pemeluknya.

Sebagai contoh adalah diutusnya sahabat bernama Mush'ab bin Umar oleh Nabi ke Yatsrib (Madinah) atau Ali bin Abi Talib yang diutus ke Khaibar dan Yaman, Abu Ubaidah bin Al-Jarrah ke Najran, Mu'az bin Jabal yang diutus untuk mengajar al-Quran dan agama Islam di Makkah, juga 'Attab bin Usaid sebagai gabenor kota Makkah (*Fath Makkah*). Daerah lain turut menjadi sasaran dakwah Nabi dengan model *bi'thiyah* adalah Najd dengan diutus satu rombongan di bawah pimpinan al-Munzir bin Amr. Rombongan ini diikuti oleh 70 orang sahabat yang kebanyakan terdiri daripada ahli al-Quran (Ali Mustafa Yaqub 2000:166-172). Dalam konteks masa kini, duta besar, konsul jeneral, duta besar, diplomat, utusan khusus dan yang seumpamanya boleh dianggap sebagai sebahagian dari praktik model *dakwah bi'thiyah*.

Model Dakwah Koresponden (*Mukatabah*)

Dakwah koresponden (*mukatabah*) merupakan model dakwah menggunakan surat-menurut (tulisan) dalam menjalin komunikasi atau menyampaikan dakwah kepada *mad'u*. Model dakwah korespondensi ini, Nabi telah mengirimkan surat kepada para raja di sekitar Kepulauan Arab. Kandungan surat Nabi SAW adalah mengajak raja dan rakyatnya memeluk Islam.

Surat Nabi SAW waktu itu juga mengandungi cop ohor yang tertera nama Muhammad Rasulullah (Hilwani t.t:89).

Secara teknikalnya Nabi SAW mengutus seseorang untuk menyampaikan surat tersebut, namun dakwah ini dipanggil sebagai model *dakwah mukatabah*, bukan *dakwah bī'thah*, kerana substansi dakwah sudah ditulis dengan jelas di dalam surat, manakala tugas utusan hanyalah menyampaikan surat, kecuali sekiranya *mad'u* memerlukan informasi lebih mendalam daripada pihak pembawa surat. Praktik dakwah model *mukatabah* ini merupakan salah satu model dakwah yang diterapkan Nabi setelah perjanjian Hudaibiyah. Antara surat yang telah dikirimkan oleh Rasulullah, kepada Negus (Maharaja Habsyah), Heraclius (Kaisar Romawi Timur), Abroes bin Harmaz bin Anusyirwan (Maharaja Persia), al-Muqauqis (Penguasa Qibti di Mesir), Al-Haris bin Abi Syamir al-Ghisani (Penguasa Damshiq), Hauzah bin Ali al-Hanafy (Penguasa Yamamah), al-Munzir bin Sawi Al-Tamimy (Penguasa Bahrain) dan Jaifar dan ^cAbd (keduanya adalah putera Julandy, Penguasa Oman). Pembawa surat Nabi s.a.w kepada Negus (al-Najasyi), Raja Habsyah adalah ^cAmru bin Umayyah al-Kinani al-Damarī (M.55H/675M). Pembawa surat Nabi Muhammad SAW kepada Heraclius adalah Dihyah bin Khalifah al-Kalbi al-Khazrajī (W.45H/665M). Pembawa surat Nabi SAW kepada Abroes bin Harmaz bin Anusyirwan adalah ^cAbd Allah bin Huzaerah bin Qis al-Sahami al-Qursyi (M.33H/653M). Manakala pembawa surat Nabi kepada al-Muqauqis adalah Hātib bin Abi Balta^cah al-Lukhmī (M.30H/650M). Pembawa surat Nabi Muhammad SAW kepada Al-Haris bin Abi Syamir al-Ghisani adalah Syujā^c bin Wahab al-Asadī, manakala pembawa surat Nabi kepada Hauzah bin ^cAli al-Hanafi adalah Salīt bin ^cAmru bin ^cAbd asy-Syams al-^cĀmirī. Pembawa surat Nabi SAW kepada al-Munzir bin Sāwi adalah al-^cAla' bin ^cAbd Allah bin ^cImād al-Harami (M.21 H), manakala pembawa surat Nabi SAW kepada Jaifar dan ^cAbd adalah ^cAmru bin al-^cAsh (M.43H/664M) (Hilwānī t.t: 87-155).

Model dakwah *mukatabah* yang pernah dipraktikkan Rasulullah inilah menjadi inspirasi dan lahirnya model *dakwah mukatabah* yang kini bentuknya semakin berkembang seperti penulisan di media massa, jurnal, buku dan sebagainya. Perkembangan teknologi komunikasi masa kini melalui aplikasi di laman web, blog, telefon pintar (dengan aplikasi seperti WhatsApp, Vibre dan Telegram) menjadikan model dakwah *mukatabah* ini masih relevan dan memudahkan proses penyampaian dakwah secara lebih berkesan.

Model Dakwah Islahiyyah

Salah satu tugas *dā'i* adalah berupaya mencipta perdamaian dalam kalangan umat manusia. Dalam sejarah kehidupan manusia sentiasa ada perseteruan,

pertikaian dan konflik sama ada hal itu dalam skala mikro (antara individu dan keluarga) mahupun antara kumpulan masyarakat, etnik, suku, kabilah bahkan antara negara. Atas kenyataan inilah seorang *dā'i* perlu menjalankan *dakwah Islahiyyah*, yakni dakwah perdamaian (Hilwani t.t:87-155). Model *dakwah Islahiyyah* seperti ini sering pula diperaktikkan oleh Nabi SAW sendiri, misalnya ketika Baginda mendamaikan dua orang yang berhutang; Ka'ab bin Malik dengan Ibnu Abi Hadrad, mendamaikan kemarahan salah seorang anggota keluarga; seperti rasa marah Ali terhadap Fatimah Zahra atau mendamaikan konflik yang berlaku sejak sekian lama di antara kabilah Aus dan Kazraj. Model dan perlaksanaan dakwah *Islahiyyah* ini adalah sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran, ayat 103:

﴿ وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرُّوْا وَإِذْ كُرُوا نَعْمَتُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبِحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاعَةٍ حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَانْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴾

Maksudnya:

"Hendaklah kamu semua berpegang teguh dengan tali Allah dan janganlah berpecahbelah. Dan ingatlah nikmat Allah ke atas kamu ketika mana kamu saling bermusuhan, maka jadilah dengan nikmatNya (Allah) kamu bersaudara sedangkan kamu ketika itu berada di jurang api neraka. Maka Allah menyelamatkan kamu. Demikianlah Allah menjelaskan tanda-tanda kekuasaanNya. Mudah-mudahan kamu mendapat petunjuk"

(Ali Imran : 103)

Dakwah Islahiyyah, secara bahasa adalah dakwah perdamaian; dakwah anti perseteruan atau dakwah anti kerosakan. Ungkapan *aslahahu* (membuatnya menjadi baik atau damai) mengikut Muhammad Farid Wajdi (t.t:541) adalah lawan dari *afsadahu* (membuatnya menjadi rosak). Hal ini bermakna pula bahawa *al-islah* (membuat menjadi baik atau damai) merupakan lawan dari *al-ifṣad* (membuat kerosakan atau kehancuran).

Secara istilah *al-islah* menurut Fahd bin Farīj al-Mu'lā al-Balwi dalam kitabnya *Fann al-islāh bayna al-nās*, sekurang-kurangnya ada tiga rumusan. Pertama, *al-islah* adalah usaha mewujudkan keadilan antara dua pihak yang bersengketa sekaligus menghapus perseteruan dan perbezaan dengan sikap rela dan patuh yang dapat mengakhiri kemarahan, sakit hati dan rasa dendam. Kedua, *al-islah* adalah usaha antara sesama manusia untuk tujuan kedamaian sehingga menimbulkan kebijakan, bukan seperti pengumpat yang berusaha untuk menimbulkan kerosakan sesama manusia. Ketiga, dengan

mengutip pendapat al-Qadi Iyas bin Mu^cawiyah, Fahd bin Farij merumuskan bahawa *al-sulh* adalah saling mengalah di antara kedua pihak (yang bertikai) mengenai hak masing-masing untuk mencapai *al-islah* (perdamaian). Istilah *al-islah* juga dianggap sama dengan *al-tawassut* atau *al-wasātah* iaitu; peranan (pendakwah) bagi memudahkan komunikasi antara individu untuk menyelesaikan pertikaian di antara mereka (al-Balwi 2007:7-8).

Sehubungan dengan pelaksanaan *dakwah islahiyyah*, pendakwah perlu memerhatikan kaedah pelaksanaannya sama ada sebelum *al-islah*, ketika berlangsung *al-islah* dan selepas *al-islah* tercapai. Hal ini penting, kerana *al-islah* akan tertegak manakala aturannya boleh direalisasikan oleh pendakwah sebagaimana mestinya. Sebaliknya *al-islah* tidak akan wujud apabila pendakwah tidak mengindahkan aturan pelaksanaannya. Aturan pelaksanaan *al-islah* menurut Fahd bin Farij hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Mengetahui dengan tepat sebab terjadinya konflik;
2. Secara umum memahami tuntutan, pelaku dan jaringan pihak yang terlibat dalam konflik;
3. Cergas dalam melihat celah campur tangan dan langkah-langkah penyelesaian;
4. Campur tangan penyelesaian tidaklah dituntut mesti berjaya;
5. Berdoa kepada Allah supaya memudahkan proses *al-islah* dan memperoleh kejayaan;
6. Memilih waktu yang tepat, tidak tergesa-gesa, bertahap, tidak putus asa, menjaga rahsia kedua pihak, jelas, jujur dan tegas;
7. Dibolehkan berdusta untuk kepentingan *al-islah* (perdamaian);
8. Menjaga keimbangan dan ketenangan hati kedua pihak yang bertikai;
9. Mengangkat sebahagian nilai pihak yang bertikai;
10. Menghindari hal-hal yang dapat merosakkan pertikaian di antara kedua pihak;
11. Dalam setiap langkah sentiasa memberikan nasihat dan mengingatkan akibat buruk pertikaian;
12. Cergas dalam mendengar, menemani, mengambil, memberi dan mengolah informasi dari kedua pihak;
13. Waspada terhadap pelbagai cabaran dan persiapan yang diperlukan;
14. Bersikap neutral dan berdikari;
15. Waspada terhadap kemungkinan perbezaan pandangan pihak lain ketika berkomunikasi dengan pihak yang bertikai;
16. Bersedia melakukan pengawasan sehingga pertikaian dapat diselesaikan di akhirnya;
17. Memperkuuh hubungan dengan orang-orang yang dapat mewakili kedua pihak yang bertikai;

18. Menghindari pihak yang tidak patut diajak dalam “*islah*” dan meminta bantuan pihak yang dianggap dapat menyelesaikan pertikaian;
19. Menghadapi pertikaian dengan tenang dan lembut sambil berusaha memperkecil kemarahan kedua pihak;
20. Mengetahui keperibadian pihak yang bertikai;
21. Menyusun langkah-langkah, tujuan dan proses penyelesaian;
22. Melakukan lobi individu kedua pihak;
23. Berlapang dada dalam perkara yang disepakati dan yang tidak disepakati;
24. Membuat pertemuan umum yang dihadiri oleh kedua pihak yang bertikai;
25. Ketika sudah ada kesepakatan, maka juru damai perlu mengajak kedua pihak untuk menjaga kesepakatan;
26. Kesepakatan itu perlu diikat dalam satu perjanjian yang disaksikan (ditandatangani) bersama.
27. Pendakwah sebagai *muslih* (pendamai), perlu pula memiliki kecekapan tambahan, misalnya kecekapan dalam berkomunikasi, kecekapan menerima dan mempengaruhi orang lain, kecekapan bergaul dengan pelbagai kelompok manusia lain, kecekapan mendengar dan diam; kecekapan memberi nasihat dan musyawarah, kecekapan menyelesaikan persoalan, menciptakan sesuatu yang baru untuk memperoleh penyelesaian dan kemampuan mengambil kesimpulan (al-Balwi 2007:22-41).

Berdasarkanuraian tersebut, maka model *dakwah islahiyyah* adalah model dakwah yang dilaksanakan untuk mendamaikan antara dua pihak atau lebih yang terbabit dalam persengketaan, perseteruan atau konflik sehingga kedua pihak menjadi damai kembali, tanpa meninggalkan rasa marah dan dendam. Oleh itu, dalam konteks maskini, *dakwah islahiyyah* mirip dengan usaha penyelesaian konflik (*an-niza'*) sama ada konflik itu dalam skala mikro (individu dan keluarga) maupun dalam skala makro (antara suku, kabilah, antara wilayah ataupun antara negara).

Model Dakwah Organisasi

Menurut M. Syafa'at Habib, organisasi adalah “suatu usaha atau proses perbuatan yang teratur dan membentuk keseluruhan yang terdiri daripada sebahagian yang bebas atau yang dikoordinasi, yang diarahkan secara kesatuan atau secara harmonis untuk mencapai suatu tujuan”(1982:181). Berdasarkan pengertian ini, organisasi sebagai badan yang di dalamnya berlaku proses perbuatan manusia tentu memerlukan perencanaan, keteraturan dan koordinasi sehingga dakwah sebagai bahagian dari kegiatan umat Islam perlu pula pada organisasi, kerana perjuangan dakwah melalui organisasi akan lebih terarah, teratur dan terkordinasi sehingga tujuannya pun akan lebih mudah diraih (Zaenal Arifin 2007:64).

Ketika dakwah dijadikan sebagai program atau kegiatan dari organisasi tertentu, maka model pelaksanaan dakwah biasanya akan dibentuk sesuai dengan kebijakan organisasi itu sendiri. Mengikut M.Syafa'at Habib (1982: 182-188), model dakwah melalui organisasi boleh dibentuk dengan mengikuti beberapa bentuk organisasi, antaranya; i) Organisasi yang mempergunakan “garis organisasi”; ii) Organisasi yang mempergunakan “garis dan petugas organisasi”; iii) Organisasi berdasarkan tugas atau fungsi; iv) Organisasi pimpinan kolektif; v) Organisasi berdasarkan projek. Pelbagai bentuk atau garis organisasi ini kemudian dikemas dalam pelbagai nama dan ciri khas tertentu sesuai kesiapan, keperluan, kondisi *mad'u*, matlamat dan konteksnya.

Di Mesir misalnya ditubuhkan organisasi *Ikhwan al-Muslimin* oleh Hasan al-Banna, di mana organisasi ini memberi pengaruh yang cukup besar terhadap kebangkitan dunia Islam. Di Indonesia dibentuk organisasi antaranya; Partai Syarikat Islam Indonesia (PSII), Muhammadiyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan Persatuan Islam (PERSIS), Pergerakan Tarbiyah Islamiyah (PERTI), Majlis Syura Muslimin Indonesia (MASYUMI), Himpunan Pemuda Islam Indonesia (HPII), Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA), Pemuda (PUSA), Kasyafatul Islam (KI), Serikat Pemuda Islam Aceh (SPIA) yang kemudian berubah nama Pergerakan Angkatan Muda Islam Indonesia (PERAMIINDO), Angkatan Pemuda Indonesia (API), Ikatan Pemuda Indonesia (IPI) yang kemudian berubah nama menjadi Barisan Pemuda Indonesia (BPI), Pemuda Republik Indonesia (PRI) dan Pemuda Sosialis Indonesia (PESINDO),² Majlis Ulama Indonesia (MUI), Dewan Dakwah Indonesia (DDI) dan lain-lain (A.Hasjmy 1978:40). Di Malaysia, juga banyak ditubuhkan organisasi (institusi) yang bergerak dalam bidang dakwah sama ada organisasi kerajaan maupun bukan kerajaan.³ Semua organisasi ini mempunyai program,

2 Pemuda Sosialis Indonesia (PESINDO) secara nasional adalah organisasi yang berdasarkan pada faham sosialis-komunis yang bercanggah dengan ajaran Islam. Para tokoh muda Aceh waktu itu atas perjuangan mereka melalui organisasi adalah Islam manakala PESINDO secara nasional berfaham sosialis-komunis. Hal ini jelas bercanggah dengan ajaran Islam. Namun, dengan segala pertimbangan mereka mahu membentuk PESINDO di bawah pimpinan A. Hasjmy, tetapi asasnya bukan faham sosialis-komunis. Mereka membentuk PESINDO dengan berasaskan pada ajaran Islam sesuai dengan agama dan adat istiadat masyarakat Aceh. Sebab, kalau mereka tidak membentuk PESINDO di Aceh, dikhawatir akan ada “golongan lain” yang akan membentuk PESINDO dengan faham sosialis-komunis (A. Hasjmy, 1985).

3 Di Malaysia, organisasi kerajaan yang mempunyai peranan penting dalam bidang dakwah dibahagikan kepada dua peringkat; peringkat persekutuan dan peringkat negeri. Organisasi dakwah peringkat persekutuan iaitu; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Organisasi dakwah peringkat kerajaan Negeri, iaitu; Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JHEAIP), Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan

kegiatan dan strategi dakwah tersendiri sesuai objektif dan matlamat organisasi masing-masing. Namun, secara umum semua organisasi ini mempunyai semangat dan ruh yang sama dalam bidang dakwah, iaitu berupaya membawa perubahan terhadap umat Islam dan umat manusia pada umumnya menuju kemajuan, kedamaian dan kesejahteraan dunia dan akhirat kelak sesuai dengan ajaran Islam.

Model Dakwah Umum

Dakwah umum adalah dakwah yang dilakukan oleh pendakwah seorang diri manakala *mad'u* ramai, tidak bersemuka dan bersifat monologis dengan media (media cetak ataupun elektronik), atau bersemuka tetapi monologis seperti ceramah umum (A.Hasjmy 1978:40). Dakwah umum yang tidak bersemuka dan bersifat monologis boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk dengan menggunakan media cetak seperti menulis di akhbar, jurnal, buku dan sebagainya; atau menggunakan media elektronik seperti rakaman suara, ceramah monologis di radio, televisyen atau internet. Dakwah umum boleh pula dalam bentuk tatap muka dan bersifat monologis seperti ceramah umum, *tabligh akbar*, khutbah Jumaat atau khutbah dua hari raya.

Khususnya ceramah umum di Indonesia dikenali dengan *tabligh akbar* dianggap kurang tepat oleh sebahagian penulis Indonesia. Asep Muhyiddin dan Agus Ahmad Safei (2002:195-199) menganggap bahawa dakwah umum atau *tabligh akbar* yang cenderung verbalistik lebih banyak menguntungkan pihak *da'i* terutama dari segi status sosial, ekonomi dan politik berbanding masyarakat (*mad'u*), para *da'i* menjadi kaum elit manakala jamaah atau masyarakat (*mad'u*) berada pada struktur bawah, paternalistik, skeptik dan tidak bertanggungjawab atas masalah-masalah mereka sendiri. *Tabligh akbar* juga dianggap primitif dan apa yang dipaparkan oleh muablah (*da'i*) dianggap sebagai proses *dehumanisasi*.

Asep Muhyiddin dan Agus Ahmad Safei mengkritik dari satu syudut ia tampak rasional, kerana memang para *da'i* menjadi kaya, status sosial dan peranan politiknya meningkat ke taraf yang lebih tinggi, tetapi hal ini bukanlah KESAN langsung sebagai *da'i* dalam *tabligh akbar*. Ramai para *da'i* yang

Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Adapun organisasi bukan kerajaan antaranya; Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Kebangsaan Pelajara Islam Malaysia (PKPIM), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Jamaah Islah Malaysia (JIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Darul Fitrah Malaysia (PDFM), Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) dan Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) (Ab Aziz Mohd Zin, 2006).

terlibat dalam *tabligh akbar*, kekayaan, status sosial dan karier politiknya biasa-biasa saja atau sama dengan orang lain yang tidak melakukan *tabligh akbar*. Walau pun kritikan itu benar, hal ini adalah wajar diperoleh oleh *da'i*, kerana mereka berjasa dan berperanan penting dalam memberikan pencerahan kepada masyarakat umum. Begitu pula, masyarakat (*mad'u*) menjadi apatis, skeptif dan tidak bertanggungjawab atas masalah-masalah mereka, bukanlah akibat dari *tabligh akbar*; tetapi kemungkinan besar adalah sikap dan perilaku masyarakat sudah seperti itu. Masyarakat yang dijadikan sampel oleh Muhyiddin dan Agus adalah masyarakat Jawa yang sudah ratusan tahun hidup dalam penjajahan dan memiliki pola hidup berkasta (*santri, priyayi* dan *abangan*). Dakwah umum atau *tabligh akbar* yang dilakukan Nabi SAW ketika *haji wada'* boleh dijadikan sebagai model dakwah umum yang berbeza dengan dikritikan oleh Muhyiddin dan Agus? Oleh itu, dakwah umum atau *tabligh akbar* bukanlah proses *dehumanisasi*, tetapi dakwah umum atau *tabligh akbar* hanya salah satu model dakwah dalam proses *humanisasi* dan menjadi simbol persatuan umat Islam yang perlu dipertahankan. Walau pun model dakwah umum ada kekurangan tetapi boleh ditampung atau diganti dengan model dakwah yang lain. Tambahan pula, jika dakwah umum dihadkan pelaksanaanya disebabkan pelbagai kritikan, maka khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya yang model pelaksanaanya juga verbalistik dan monologis seperti dakwah umum atau *tabligh akbar* mesti dihadkan atau dianggap sebagai proses *dehumanisasi*? Tentu tidak, bukan?

Hal yang menarik untuk diperhatikan mengenai model dakwah umum adalah penjelasan Walid Kamal Syukr mengenai dakwah umum. Ketika menjelaskan peranan model *dakwah fardiyah* ia mengatakan bahawa model *dakwah umum (al-dakwah al-'ammah)* juga mempunyai peranan penting dalam dakwah sebagaimana *dakwah fardiyah*. Keduanya dianggap “bagaikan dua kaki bagi manusia”. Hanya sahaja dalam *dakwah umum* lebih cenderung dibicarakan pelbagai persoalan umum atau persoalan masyarakat, bukan seperti *dakwah fardiyah* yang boleh menyentuh pelbagai persoalan peribadi *mad'u* di mana hubungan *da'i* dengan *mad'u* lebih akrab (2007:4-5). Penjelasan Walid Syukr ini, lebih rasional berbanding kritikan Muhyiddin dan Agus kerana *dakwah umum* dan *dakwah fardiyah* mempunyai peranan dalam dakwah sesuai dengan wilayah kerja masing-masing.

Model Dakwah Bersepadu

Beberapa penulis kontemporari menambah istilah *bersepadu* dalam konteks dakwah yang kemudian dikenali dengan *dakwah bersepadu*. Jika dirujuk pada *Kamus Dewan*, (2002:955) istilah *bersepadu* (*intergrated*) mengandungi makna *berkaitan erat* (*tidak terpisah-pisah*), *berjalin*, *bertahan erat* (*antara pelbagai unsurnya dsb*). Ini menunjukkan bahawa dalam *dakwah bersepadu*

ada unsur-unsur yang disatukan, diintegrasi, digabung, dilakukan bersama dan disatukan sehingga menjadi satu sistem dakwah yang kukuh. Beberapa penulis kontemporari antaranya Yusuf Qardhawi, Ali Ya'cub Matodang, Ideris Endot, Abdullah Muhammad Zain, Dusuki Ahmad dan Iran Herman masing-masing mempunyai pelbagai pandangan mengenai "model dakwah bersepada".

Zakaria Stapa membawa pandangan Yusuf al-Qardhawi, *dakwah bersepada* pada kesepadan kualiti pendakwah, iaitu pendakwah yang memiliki iman yang kukuh, akhlak mulia dan ilmu pengetahuan agama yang luas. Hanya dakwah yang dilakukan oleh pendakwah berkualiti yang boleh diharapkan memperoleh kejayaan. Oleh itu, menurut al-Qardhawi, dalam konteks dakwah, pembentukan kualiti pendakwah yang bersepada merupakan program yang perlu diberikan perhatian serius sekaligus sebagai projek yang amat penting (Zakaria Stapa 2003: 37-45). Pandangan al-Qardhawi ini sama dengan pandangan *Ikhwan al-Muslimin* yang menaruh harapan yang begitu besar pada kualiti *ikhwan* sebagai *du'a* sehingga mengikut analisis Sulaiman Ibrahim (2000:71), pihak *Ikhawan al-Muslimin* tidak menggunakan borang terbuka untuk diisi oleh sesiapa sahaja untuk menyertainya.

Berbeza dengan al-Qardhawi, Ali Ya'kub Matondang (2003:6-7) menggambarkan *dakwah bersepada* mempunyai persamaan prinsip yang dianuti dalam pengelolaan dakwah sama ada konsep mahu pun penjelasannya secara terperinci. Hal ini dapat dilihat dari saranannya -dengan mengutip pandangan Ali Mahfuz mengenai empat prinsip dakwah; *al-hujjah al-balighah, al-asalib al-hakimah, al-adab al-samiyah dan al-siyasah al-hakimah-* bahawa keempat-empat prinsip ini mestilah disepadukan dalam setiap gerakan dakwah sehingga dapat meningkatkan kualiti, keberkesanan dan kejayaan dakwah.

Ideris Endot (2000:140) dalam salah satu tulisannya memberikan gambaran bahawa dalam *dakwah bersepada* harus mempunyai kesepadan tanggungjawab pendakwah (pihak ulama dan pemerintah) dalam menjalankan tugas dakwah. Hal yang hampir sama, namun lebih luas berbanding penjelasan Ideris Endot, adalah apa yang dikemukakan oleh Abdullah Muhammad Zain dan Dusuki Ahmad. Abdullah Muhammad Zain (2000:8-10) menganggap bahawa dalam menjalankan *dakwah bersepada* bukan hanya seluruh lapisan masyarakat perlu disepaduan, tetapi juga pendakwah mesti berkualiti *ulul albab* dan media yang digunakan pun perlu disepaduan. Adapun menurut Dusuki Ahmad (2000:96), *dakwah bersepada* mesti mempunyai perpaduan matlamat (meramaikan bilangan ummat *khair umah* yang memiliki kualiti hidup dunia dan akhirat), metode (hikmah dan nasihat) dan tugas pendakwah sebagai tugas bersama sesuai dengan ilmu dan bidang tugas masing-masing.

Iran Herman (2000:91-93) mengatakan bahwa dalam konteks *dakwah bersepadu*, metode pengajaran ilmu Islam juga perlu disepadukan dengan ilmu kemahiran hidup yang lain, di samping perlu dibentuk modul dakwah bersepadu. Pandangan Iran Herman mengenai dakwah bersepadu lebih menekankan kepada unsur metodologi dakwah, khususnya metode pengajaran ilmu agama Islam dan adanya perancangan modul dakwah sebagai “pedoman” yang lebih praktikal dalam menjalankan dakwah, berbanding unsur lainnya .

Berdasarkan pandangan beberapa pakar tersebut, maka *dakwah bersepadu* adalah dakwah sama ada konsep dan praktiknya dibina dan dikelola dengan memperhatikan prinsip kerjasama, kombinasi atau penggabungan antara pelbagai unsur dakwah (pendakwah, *mad'u*, tujuan, dakwah, metode dan media dakwah) di mana setiap unsur itu mestilah difahami, dipersiapkan dan dijalankan secara bersepadu sehingga menjadi suatu model dakwah dan dapat mencapai matlamat dakwah sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran Islam yang universal. Oleh itu, berdasarkan kefahaman ini, maka model *dakwah bersepadu* dapat dijelaskan antaranya; Pertama, pihak pendakwah mestilah memiliki kualiti bersepadu, sekurang-kurangnya mempunyai iman yang kukuh, berakhlik mulia dan berilmu pengetahuan agama yang luas. Kedua, pendakwah mestilah bekerjasama (*ta'awun*) dalam menjalankan dakwah. Kerjasama yang dimaksudkan di sini bukan hanya antara dua orang pendakwah atau lebih dengan membentuk jamaah (organisasi) atau antara organisasi, institusi, bahkan jika perlu antara negara sekalipun. Kerjasama ini perlu dibina atas dasar iman, ukhwah Islamiyah dan kesedaran bahawa tugas dakwah merupakan tanggungjawab bersama sehingga boleh membentuk kekuatan bersepadu dalam menjalankan misi dakwah.

Ketiga, pendakwah perlu memahami pihak *mad'u* secara bersepadu, bukan hanya kondisi psikologi, sosiologi, latar belakang kehidupan (keluarga dan ekonomi) *mad'u*, tetapi juga persoalan yang sedang dihadapi *mad'u*. Keempat, pendakwah perlu merumuskan matlamat (tujuan) dakwah secara jelas. Kelima, pendakwah perlu memahami secara mendalam dan bersepadu berkenaan dengan ajaran dakwah. Ajaran dakwah (pemikiran, nilai, keutamaan ataupun masalah yang hendak diselesaikan dalam kegiatan dakwah) mestilah sesuai dengan keadaan dan kejadian yang sedang dihadapi *mad'u*. Keenam, pendakwah bukan hanya perlu memahami metode dakwah (misalnya metode *bi al-hikmah*, *mau'izah hasanah* dan *mujadalah bi al-lati hiya ahsan*) secara mendalam dan pelbagai media dakwah, tetapi juga mampu menggunakan metode dan media dakwah secara bersepadu selari dengan kondisi dan masalah yang sedang dihadapi *mad'u* sehingga mampu mengetuk dan membuka pintu hati dan jiwa pihak *mad'u* untuk menerima, mengakui dan mengamalkan ajaran dakwah.

PENUTUP

Paparan mengenai beberapa model dakwah tersebut merupakan paparan yang bersifat umum. Model ini bagaimanapun boleh dikembangkan dengan lebih komprehensif dan terperinci, terutama dalam pelaksanaan model dakwah. Ini kerana model dakwah yang dinyatakan bukan sahaja memiliki karakteristik tersendiri, tetapi juga cara dan aktiviti pelaksanaannya perlu diselaraskan dengan keadaan *mad'u* dan lingkungan sekitarnya. Pelaksanaan model dakwah dengan mempertimbangkan kondisi *mad'u* dan lingkungan sekitarnya merupakan faktor atau elemen penting dalam menentukan keberkesanan penyampaian dan pengembangan dakwah.

RUJUKAN

- A. Hasjmy. (1974). *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*, Jakarta: Bulan Bintang.
- Abd al-Badi◦ Syaqr.(1976). *Kaifa Nad'u Al-Nās*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Abd al-Wahāb ◦ Abd al-Salām Tawīlah dan Muhammad Amin Syākir Hilwānī. (t.t). *‘Ālamiyah Al-Islām Wa Rasā'il An-Nabiy Ila Al-Mulūk Wa Al-Umarā*'. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- Abdullah Muhammad Zain. (2000). *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (pnyt.). Bangi: Penerbit UKM.
- Abi ◦ Asim dan Hisyām bin ◦ Abd al-Qadir ◦ Ali ◦ Uqdah, *Dawr al-Murabbi fi al-Da'wah al-Fardiyah*, hlm. 7-53. <http://www.t3abir.com/vb/showthread.php?t=5764>, 20 Mach 2007.
- Ali Ya'kub Matondang. (2003). Ummatan Wahidah. Dlm. Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh dan Yaakob Matondang. *Jaringan dakwah Malaysia-Indonesia*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, UKM.
- Ali Abdul Halim Mahmud.(1995). *Fiqh Dakwah Fardiyah*, (terj.), Jakarta: Gema Insani Press.
- Asep Muhiddin. (2002). *Dakwah Dalam Perspektif Al-Qur'an*. Bandung: Pustaka Setia.
- Asep Muhyiddin dan Ahmad Safei. (2002). *Metode Pengembangan Dakwah*, Bandung : Pustaka Setia.
- Dasuki Ahmad.(2000). Cabaran Dakwah. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (pnyt.). *Dakwah dalam Era Perubahan Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- David Krech, et al. (1982). *Individual in Society*. Berkeley: University of California Press

- Ideris Endot .(2000). “Kehausan dan Cabaran Rohani Generasi Kini”. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (pnyt.). *Dakwah dalam Era Perubahan Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Iran Herman. (2000). “Psikologi Remaja dan Pendekatan Dakwah”. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (pnyt.). *Dakwah dalam Era Perubahan Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Hilman Rosyad, *KiatpPraktis Dakwah Fardiyah*. <http://kaderisasi.pks.or.id/> (15 Januari 2008).
- John Wortabet and Harvey Porter. (1995). *English-Arabic and Arabic-English Dictionary*. New York: Frederick Ungar Publishing
- Khalid M. Hussain. (1979). *Kamus Dwibahasa Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Syafa'at Habib. (1982). *Buku Pedoman Dakwah*. Jakarta: Widjaya.
- Muhammad Fakhruddin al-Razi. (1994). *Mafātih Al-Ghayb*, Juz IV. Beirut : Dar al-Fikr
- Muhammad Farid Wajdi. (t.t.). *Dāirah Ma‘ārif Al-Qarn Wa Al-‘Isyrūn*, Jilid 5. Bairut: Dār al-Fikr, t.th.
- Sulaiman Ibrahim. (2000). “Turbiah Da’awiyah”. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim dan Ideris Endot (Ed.). *Dakwah Dalam Era Perubahan Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- T. Iskandar. (1984). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- W.J.S. Porwadarminta. (1961). *Kamus umum Bahasa Indonesia*. Jakarta : Balai Pustaka.
- Walid Kamal Syukr. (2007). *Al-Da‘wah al-Fardiyah Manhajun Salafi wa Darurah waqī‘iyah*. www.said.net.book
- Wortabet, John and Porter, Harvey. (1983). *English-Arabic and Arabic-English Dictionary*, New York: Frederick Ungar Publishing Co.
- Zaenal Arifin. (2007). *Syi’ar Deddy Mizwar*. Purwokerto: STAIN Purwokerto Press.
- Zakaria Stapa. (2003). “Cabaran Era Globalisasi”. Dlm. Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh dan Yaakob Matondang (pnyt.), *Dakwah Dalam Perspektif Sosio-budaya Malaysia-Indonesia*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, UKM.